

08 SEP 2002

Pemuda-Kutuk

PEMUDA UMNO, MBM KUTUK TINDAKAN AS DAN BRITAIN SERANG IRAQ

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mengutuk keras tindakan Amerika Syarikat dan Britain yang membuat serangan bom terhadap Iraq.

Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata serangan itu adalah tidak wajar dan tidak berasas sama sekali terutama tanpa mendapat restu daripada sebarang badan antarabangsa.

"Tindakan kedua-dua kuasa besar ini menunjukkan betapa angkuhnya mereka sehingga sanggup melakukan serangan tanpa mempunyai sebarang bukti bahawa Iraq merupakan ancaman kepada mana-mana pihak," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Pemuda mendesak Amerika dan Britain menghentikan segera serangan terhadap Iraq bagi mengelak lebih ramai rakyat tidak berdosa daripada terkorban.

"Pemuda Umno juga berharap negara-negara Islam akan bersatu bagi menentang serangan itu dan memastikan kekejaman ke atas Iraq dihentikan serta-merta," katanya.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) turut membantah serangan itu dan menyifatkannya sebagai tidak wajar, tanpa alasan kukuh, tergesa-gesa serta membelakangkan suara masyarakat dunia.

Setiausaha agungnya Norizan Sharif dalam satu kenyataan berkata MBM berpegang kepada laporan pegawai Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan kenyataan bekas pemeriksa senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Scott Ritter yang mengesahkan tidak ada aktiviti nuklear di Iraq, dan serangan ke atas negara itu mempunyai motif tersembunyi.

"MBM harap serangan ini tidak dibuat untuk kepentingan politik dalam negeri (Amerika) Presiden Bush kerana ia mempunyai implikasi besar dan boleh menjejaskan kestabilan politik dan keamanan dunia sepenuhnya," katanya.

Katanya MBM bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tindakan itu boleh menjejaskan usaha masyarakat dunia dalam peperangan menentang keganasan.

Menurut Norizan, serangan itu menjejaskan kredibiliti Amerika dalam peperangan menentang keganasan kerana ia juga bertindak seperti pengganas dengan menyerang tanpa mandat daripada Majlis Keselamatan PBB.

"Sekiranya Amerika Syarikat benar-benar serius dalam peperangan menentang keganasan, MBM meminta negara itu memberikan fokus kepada Israel yang terbukti bertindak ganas dan di luar batas kemanusiaan terhadap rakyat Palestin untuk sekian lama," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata tiada sebab bagi Amerika dan Britain melakukan serangan itu dan ia menunjukkan keangkuhan pemimpin kedua-dua negara berkenaan.

Serangan itu juga adalah satu provokasi yang boleh membawa kepada keributan di seluruh dunia kerana Iraq pastinya tidak akan berdiam diri dalam perkara ini.

"Nampaknya Amerika sudah tergelincir dari matlamat asal mereka iaitu membanteras keganasan. Tidak selari dengan kerjasama yang dimintanya daripada negara luar termasuk Malaysia," katanya pada persidangan media selepas merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Wanita Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini.

Dalam pada itu, presiden Wartawan Melayu Malaysia (PWM) Yazid Othman dalam satu kenyataan meminta Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu (PBB) Kofi Annan mengambil daya usaha untuk menyekat Amerika dan Britain daripada terus menceroboh Iraq.

"Kalau selama ini PBB boleh mengambil tindakan drastik menghalang sesebuah negara daripada menyerang atau menceroboh negara merdeka lain, maka badan itu perlu bertindak segera," katanya.

-- BERNAMA

SOP HK FA MAM RON